

**PANDUAN DAN TERMA RUJUKAN
PEGAWAI PENGIRING UNIVERSITI JURUAUDIT SIRIM
AUDIT PENSIJILAN SEMULA SISTEM PENGRUSAN KUALITI
MS ISO 9001:2008**

1. Mengenalpasti Juruaudit SIRIM yang akan diiring;
2. Mendapatkan maklumat mengenai kehadiran, jadual perjalanan dan keperluan Juruaudit SIRIM;
3. Memastikan mengiringi Juruaudit SIRIM ke setiap lokasi tempat yang diaudit dan ke tempat makan sewaktu rehat, surau atau tempat istirehat (mana yang berkenaan);
4. Mengambil tindakan yang perlu bagi menentukan tugas mengiringi Juruaudit SIRIM dan amalan serta etika dan protokol dilaksanakan sewajarnya;
5. Menyemak kemudahan kenderaan dan pemandu yang diperlukan oleh Juruaudit yang disediakan oleh Pusat Tanggungjawab yang akan diaudit dan memastikan mereka tiba di lokasi pada masa yang ditetapkan;
6. Menyambut dan mengiringi Juruaudit SIRIM semasa mereka tiba dan membawa mereka ke bilik atau ke tempat yang ditetapkan;
7. Memastikan PTJ yang akan diaudit telah siap sedia sebelum Juruaudit tiba;
8. Memberi layanan yang mesra Juruaudit sepanjang audit berjalan;
9. Mengambil daya usaha yang perlu supaya Juruaudit berpuashati dengan layanan yang diberi tanpa menyimpan perasaan kurang senang terhadap UPM;
10. Membuat catatan, cadangan dan teguran yang diutarakan oleh Juruaudit SIRIM secara verbal (lisan) sepanjang tempoh audit;
11. Mengambil tindakan yang sewajarnya bagi melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan peranan sebagai Pengiring Juruaudit apabila diminta oleh Urusetia.